

Longgokan sampah di laluan pejalan kaki

Sikap warga kota cemarkan imej Kuala Lumpur

Oleh Norhafiza Mahamad Nor
bhnews@bharian.com.my

PANTAI DALAM: Sikap suka membuang sampah merata-rata yang dimiliki warga Kuala Lumpur mencetuskan pemandangan kurang enak di kalangan penduduk sekitar dan pengunjung yang melalui jambatan penghubung antara Abdullah Hukum dan MidValley di sini.

Tinjauan *Sentral* mendapati laluan pejalan kaki di sepanjang jambatan itu dipenuhi sampah-sarap seperti botol mineral; bekas minuman dan makanan segera; plastik; kotak rokok dan lampin pakai buang yang telah digunakan. Kebanyakan sampah berkenaan dilonggokkan di sekitar tiang lampu yang ada di laluan jambatan terbabit.

Selain itu, penduduk sekitar kawasan berkenaan juga mendakwa ada segelintir orang luar yang mengambil jalan mudah dengan membuang sampah ke dalam sungai tanpa menghiraukan pandangan penduduk setempat dan orang ramai yang lalu datang di sekitar jambatan itu.

Seorang kakitangan swasta, Hasmah Yusof, 38, berkata ketiadaan kemudahan tong sampah di sekitar jambatan itu menjadi punca yang menyebabkan orang ramai mengambil jalan mudah membuang sampah merata-rata sekitar laluan itu.

"Pihak berkuasa tempatan sepatutnya menyediakan



LONGGOKAN sampah di laluan pejalan kaki melalui jambatan yang menghubungkan Abdullah Hukum dan Mid Valley.

tong sampah di sekitar laluan ini bagi memudahkan orang ramai yang melalui kawasan ini untuk membuang sampah.

"Selain itu, kerjasama daripada orang ramai juga diperlukan, perkara ini dapat dibendung sekiranya kesedaran untuk menjaga kebersi-

han timbul dalam diri mereka yang tidak bertanggungjawab itu," katanya.

Sementara itu, Salasiah Samsudin, 33, mendakwa tiada sebarang tindakan dilakukan pihak berkuasa bagi membendung perkara berkenaan.

"Selama berulang-alik dari

“Ketiadaan kemudahan tong sampah di sekitar jambatan itu menjadi punca yang menyebabkan orang ramai mengambil jalan mudah membuang sampah merata-rata sekitar laluan itu”

Hasmah Yusof
Kakitangan swasta

rumah ke tempat kerja, inilah pemandangan yang saya tatap tiap-tiap hari, memang menyakitkan mata. Setahu saya pihak bandar raya tidak pernah ambil sebarang tindakan pun.

"Kedudukan jambatan di kawasan bandar dan turut menjadi laluan pelancong asing ini sepatutnya dijaga dan dipastikan bersih daripada sampah-sarap. Dengan keadaannya sebegini ia akan memberi imej yang buruk mengenai bandar raya Kuala Lumpur," katanya.

Seorang pesara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdullah Tamby Chik, 75, berkata sikap suka membuang sampah merata-rata yang dimiliki warga Kuala Lumpur bakal menjadikan negara ini sebuah negara kotor dan berkemungkinan besar menggagalkan usaha kerajaan untuk menjadikan ibu negara Malaysia ini sebagai sebuah bandar raya yang bersih.